

23/01/1999

Bersedia hadapi deflasi sejagat: PM (HL)

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia yang berjaya menguruskan kegawatan kewangan negara perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan deflasi sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, memandangkan ada kemungkinan perkara ini berlaku pada masa hadapan, Malaysia perlulah mengambil tindakan menanganinya.

"Apabila deflasi sejagat berlaku, Malaysia pastinya turut terjejas. Justeru, masalah negara ini belum lagi selesai," katanya pada majlis pelancaran logo ulang tahun ke-50 American International Assurance (AIA) di sini malam ini.

Turut hadir, Pengerusi American International Group (AIG), Maurice R Greenberg dan Naib Presiden Kanan AIA, Edward Bush.

"Mereka (pengkritik) berkata ia tidak akan berlaku. Tetapi mereka pernah membuat ramalan yang silap sebelum ini. Dan mereka mungkin tersilap lagi," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, jika deflasi sejagat seperti yang dijangkakan tidak berlaku, pastinya cabaran-cabaran lain akan menyusul.

Tetapi, katanya, oleh kerana rakyat Malaysia berjimat cermat, berdisiplin dan bekerja keras, mereka menganggap kesejahteraan negara adalah tanggungjawab bersama.

"Kita mesti meneruskan tabiat dan budaya seperti ini," kata Dr Mahathir.

(Deflasi adalah keadaan yang mana harga barang dan perkhidmatan merosot. Dalam keadaan deflasi pengeluaran dan guna tenaga akan terjejas berikutan kurangnya permintaan.)

Selain deflasi, satu daripada cabaran yang Malaysia mungkin hadapi ialah globalisasi atau dunia tanpa sempadan yang sering menjadi sebutan, katanya.

"Kita sedang bersiap sedia membuka sempadan kita. Tetapi kita belum bersedia mengendalikan masalah yang akan wujud dengan terbukanya sempadan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sudah merasai bahang globalisasi apabila modal dibawa keluar dari negara ini dan seterusnya nilai ringgit susut.

"Kita tidak menduga itu semua dan oleh itu kita tidak bersedia mengatasi kegiatan yang menyalahgunakan pengaliran modal yang bebas. Kita bernasib baik kerana akhirnya kita berupaya membendung kegiatan ini.

"Globalisasi boleh mendatangkan manfaat jika ia dikawal selia sama dengan pengaliran modal yang boleh mendatangkan manfaat jika dikawal selia.

"Kita seharusnya mengalu-alukan globalisasi tetapi kita mesti memastikan ia tidak disalahgunakan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, negara-negara kaya sedang bersiap sedia untuk mengambil kesempatan daripada globalisasi yang mana bank-bank, industri-industri dan syarikat-syarikat kemudahan awam gergasi dibentuk menerusi penggabungan dan pengambilalihan.

Katanya, setiap syarikat gergasi ini lebih besar daripada negara-negara sedang membangun dan tanpa syak lagi syarikat gergasi ini mahu memonopoli bidang yang mereka ceburi.

"Bank-bank, industri dan syarikat kemudahan awam kecil di negara-negara membangun akan ditelan oleh mereka sebaik saja sempadan tidak wujud lagi. Walau apapun, tidak mungkin syarikat kecil ini bersaing dengan syarikat

gergasi seperti ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila keadaan ini berlaku, kerajaan tidak terdaya untuk melindungi syarikat kecil kerana melindungi perniagaan yang dimiliki rakyat tempatan kelak akan digelar sebagai kronisme dan nepotisme.

"Hanya pengambilalihan oleh pihak asing terlepas daripada dakwaan seperti ini. Akhirnya syarikat gergasi asing akan mengaut semuanya. Persaingan adalah di kalangan mereka sendiri. Kita akan bekerja untuk mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, meskipun Malaysia menyambut baik globalisasi, kelonggaran syarat, pengliberalan dan urusan tanpa sempadan, negara ini mesti memastikan apakah sebab sebenarnya disebalik penggabungan, pengambilalihan dan penyatuan syarikat gergasi asing.

"Adakah mereka bersiap sedia untuk menyerang dunia, untuk mewujudkan monopoli serata dunia, untuk penguasaan ekonomi?"

"Jika demikian, jika kita tidak boleh menahan mereka berbuat demikian, kita merayu agar kita diberi sedikit masa. Tolonglah jangan gunakan IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) untuk memaksa kita membuka pasaran supaya mereka dapat mengautnya dengan begitu murah sekali.

"Janganlah tuduh kami mengamalkan kronisme jika kita cuba melindungi rakyat sendiri daripada syarikat gergasi ini. Adalah menjadi hak kita untuk mempertahankan kemerdekaan sendiri," tegasnya.

(END)